



## **IKLAN JAWATAN KOSONG**

### **JABATAN PENGURUSAN SUMBER DAN PENGAJIAN PENGGUNA, FAKULTI EKOLOGI MANUSIA, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, UPM mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan berdasarkan syarat yang ditetapkan dan mempunyai komitmen yang tinggi dan penuh iltizam serta bercita-cita untuk berkhidmat di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia yang menuju sebuah universiti bereputasi antarabangsa, bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:-

<b>JAWATAN</b>	<b>:</b>	<b>PENSYARAH KANAN GRED DS51</b>
<b>SKIM PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>PENSYARAH UNIVERSITI</b>
<b>KLASIFIKASI</b>	<b>:</b>	<b>PERKHIDMATAN PENDIDIKAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>
<b>TARAF JAWATAN</b>	<b>:</b>	<b>TETAP</b>
<b>JADUAL GAJI</b>	<b>:</b>	<b>RM5,855.00 - RM12,445.00</b>
<b>BIDANG KEKOSONGAN</b>	<b>:</b>	<b>PENGURUSAN KEWANGAN</b>

#### **SYARAT LANTIKAN SKIM PERKHIDMATAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia; dan
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Memperolehi kelayakan Ijazah Sarjana Muda yang cemerlang dalam bidang yang berkaitan (CGPA 3.00 ke atas); dan
- (d) Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Keutamaan diberi dalam bidang pengurusan kewangan isi rumah atau personal; dan
- (e) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan; dan

- (f) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- (g) Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya dari semasa ke semasa.

**CARA MEMOHON:**

Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional **SOK/BUM/BR03/Jawatan 01** yang boleh dimuat turun dari laman web Pejabat Pendaftar, UPM.

**PERATURAN MEMOHON:**

Pemohon dikehendaki menyertakan salinan sijil akademik, transkrip, salinan Kad Pengenalan, salinan Sijil Kelahiran serta dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah di hantar ke alamat berikut sebelum atau pada tarikh tutup iklan:

**PEJABAT KETUA PENTADBIRAN  
FAKULTI EKOLOGI MANUSIA  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
43400 UPM SERDANG  
SELANGOR**

**Tel: 03-9769 7898**

**PERHATIAN:**

- i. Permohonan yang tidak lengkap diisi dan tidak mengikut peraturan memohon boleh menyebabkan permohonan tidak akan dipertimbangkan.
- ii. Hanya calon-calon yang dipilih dalam penyaringan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- iii. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh **enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan** adalah dianggap **tidak berjaya**.

**TEMPOH IKLAN:**

Permohonan jawatan akan dibuka **mulai 23 April 2021** dan akan ditutup **pada 21 Mei 2021**.